

JAWATAN KOSONG

LEMBAGA PELABUHAN KELANG mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berdedikasi, bermotivasi tinggi, bertanggungjawab terhadap tugas dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) (KONTRAK)

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN	JADUAL GAJI		
					GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
1.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) (KONTRAK)	N19	Pentadbiran dan Sokongan	Pelaksana	RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

A. SYARAT LANTIKAN

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada RM1,352.00); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada RM1,408.40); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada RM1,464.80)

DAN

- Kepujian Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan adalah diberi kepada calon-calon yang berpengalaman dalam kerja-kerja mengendalikan perkhidmatan kaunter yang berkaitan dengan pengurusan khidmat pelanggan dan berkebolehan bertutur dalam Bahasa Inggeris).

B. UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Calon bagi lantikan kontrak hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

C. CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh diperolehi dari Jabatan Sumber Manusia, Lembaga Pelabuhan Kelang atau muat turun melalui laman web LPK di www.pka.gov.my. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil-sijil Persekolahan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :

**Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang, Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang
[u.p: Pengurus Kanan (Sumber Manusia)]**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA 24 MEI 2019.